

1

CETUSAN MINDA MELALUI BAHASA KREATIF UNTUK KOMUNIKASI YANG EFEKTIF

Farrah Mohamad Ghazali
Nur Azah Ismail
Siti Farhana Abdullah
Siti Faridah Omar

Sekolah Menengah Woodgrove

Abstrak

Ketidakcekanan pelajar aliran Normal Teknikal (NT) dalam menjana idea menjadi satu hambatan bagi mereka untuk menyerlah dalam komponen Lisan. Disebabkan idea yang terhad dan kekurangan kosa kata, pelajar NT menghadapi masalah dalam menyampaikan isi-isi yang relevan. Dengan penggunaan pelbagai bahan rangsangan seperti audio, video, kad dan objek, pembelajaran dalam pengajaran komponen lisan mampu merangsang pelajar NT untuk menghasilkan idea-idea yang bernas serta menambahkan kosa kata mereka. Hasil pemantauan guru menunjukkan keberkesanan penggunaan bahan-bahan rangsangan bagi latihan lisan. Kegiatan pralatihan dan pascalatihan yang dijalankan telah menunjukkan para pelajar 1NT dapat memperkaya pengetahuan kosa kata mereka dan berupaya menghasilkan pandangan yang lebih meluas dengan soalan-soalan rangsangan yang diberikan. Selain itu, pelajar dapat berkomunikasi dengan berkesan dan yakin.

Pengenalan

Kajian ini memberikan tumpuan pada pengajaran dan pembelajaran lisan dalam kalangan para pelajar Normal Teknikal (NT). Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, para pelajar NT mempunyai masalah menggunakan kosa kata yang pelbagai dalam pertuturan mahupun tulisan. Mereka mempunyai pengetahuan kosa kata yang terhad dan tidak berupaya meluaskan pandangan yang mendalam. Kelemahan-kelemahan ini amat dikhuatiri kerana penilaian dalam komponen lisan adalah sebanyak 50% daripada jumlah keseluruhan peperiksaan Bahasa Melayu Asas. Oleh itu, ramai pelajar NT yang tidak berupaya mendapat markah yang cemerlang dalam komponen lisan. Bagi memperbaiki mutu kemahiran lisan pelajar NT satu usaha intervensi dijalankan untuk membolehkan pelajar berupaya mencetuskan idea-idea yang bernas, meluaskan idea dengan penggunaan kosa kata yang pelbagai dan akhirnya dapat menghasilkan komunikasi yang efektif.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bagi membolehkan pelajar menghasilkan idea yang bernas;
2. untuk meningkatkan penambahan kosa kata bahasa Melayu dalam diri pelajar NT; dan
3. untuk melihat keberkesanan Pakej Lisan NT dalam mempertingkatkan kemahiran lisan;
4. untuk melihat keberkesanan bahan-bahan visual (kad,objek) dan audio sebagai bahan utama dalam pengajaran dan pembelajaran lisan.

Permasalahan Kajian

Lazimnya, para pelajar NT sangat lemah dalam bahagian perbualan. Ada kalanya pelajar akan mengalami masalah meluahkan pandangan mereka. Ini berlaku apabila topik yang diberikan agak sukar atau para pelajar tidak mempunyai pengalaman untuk membantu mereka menjana idea bagi memulakan perbualan semasa diuji.

Para guru merasakan bahawa pelajar mempunyai kurang pendedahan kepada isu-isu yang sering dijadikan tema atau topik bagi perbualan lisan. Masalah ini juga menjadi semakin rumit apabila pelajar ini lemah dari segi bahasa. Situasi sebegini akan menyebabkan pelajar itu hilang keyakinan diri dan tidak mampu untuk mempamerkan prestasi yang baik dalam ujian-ujian lisan yang mereka lalui.

Oleh yang demikian, bagi mewujudkan pengalaman tersebut, Pakej Lisan telah dibina untuk para pelajar NT. Guru boleh melaksanakan pakej tersebut bagi memberikan pengalaman dan membina jaringan idea yang bernas untuk memperbaiki perbualan pelajar. Memandangkan kumpulan pelajar yang terlibat dari Menengah Satu, pelaksanaan pakej lisan ini agak mudah dijalankan kerana para pelajar ini sememangnya lemah dari segi perbualan.

Kajian Lepas

Menurut Piaget (1958), kanak-kanak aktif membentuk kefahaman terhadap persekitaran melalui empat tahap perkembangan kognitif. Dua proses penting dalam membina kefahaman tentang dunia persekitaran ini ialah organisasi dan adaptasi. Empat tahap perkembangan kognitif itu ialah deria motor (0-2 tahun), praoperasi (2-7 tahun), operasi konkrit (7-11 tahun) dan operasi formal (11 tahun ke atas). Pada tahap operasi konkrit, pelajar boleh menggunakan logik untuk memahami sesuatu idea, konsep atau proses tetapi dengan

bantuan manipulasi fizikal atau aritmetik. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan bahan konkrit secara aktif di dalam kelas merupakan cara pembelajaran yang paling berkesan untuk perkembangan penaaakuan (Piaget & Gracia, 1987). Piaget (1966) merumuskan bahawa persediaan mental merupakan faktor dalaman yang banyak mempengaruhi keberkesanan pembelajaran.

Semua pelajar boleh berfikir dan mampu meningkatkan pemikiran masing-masing daripada pemikiran asas seperti mengingat kembali kepada pemikiran yang lebih kompleks seperti menyelesaikan masalah. Pembelajaran melalui pendekatan inkuiri-penemuan mengintegrasikan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran, penerapan sikap saintifik dan nilai murni. Ia akan berlaku apabila konsep dan prinsip utama yang dikaji itu ditemui oleh pelajar sendiri.

Sameera Ahmed Al-Senaidi (1983) mencadangkan penggunaan kaedah main peranan sebagai salah satu aktiviti bagi menggalakkan komunikasi lisan dalam kalangan para pelajar. Jika peluang untuk main peranan disediakan dan pelajar berpeluang untuk melakukan aktiviti main peranan berulang kali, dipercayai tahap komunikasi lisan para pelajar akan bertambah baik. Ini berlaku kerana kemungkinan para pelajar sedang berusaha dan lebih teruja untuk menyampaikan maksud perbualan yang dianggap lebih penting daripada kesalahan sebutan semasa penyampaian dilakukan.

Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim (2011) mengkaji kekerapan soalan yang dikemukakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P), aras kognitif soalan, komponen kemahiran penyoalan dan lingkaran soalan. Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengumpul data dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru bahasa Melayu sangat kerap menggunakan teknik penyoalan di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanapun, kaedah penyoalan guru bahasa

Melayu lebih tertumpu pada soalan aras rendah dan sederhana berbanding dengan soalan aras tinggi. Lingkaran soalan yang digunakan oleh guru bahasa Melayu lebih tertumpu pada lingkaran individu dan masyarakat, tetapi kurang pada lingkaran soalan yang berkaitan negara atau global. Pelajar kurang diberi peluang untuk berfikir kerana guru kurang mengaplikasikan soalan-soalan lisan yang dapat merangsang minda pelajar untuk membantu mereka berkomunikasi secara lebih efektif.

Sheldon Reid (2010) mengesyorkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti seperti perbincangan berkumpulan, sesi bercerita, pembacaan kuat dan lain-lain lagi. Dengan memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi menggunakan cara-cara tersebut, dipercayai pelajar akan lebih yakin dan berani mengenengahkan pandangan dan idea mereka secara bebas. Jika peluang ini sering kali disediakan, para pelajar akan terbiasa dan tidak lagi teragak-agak atau takut untuk mengemukakan pandangan mereka atau berkongsi idea yang mereka rasakan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 25 pelajar Menengah Satu dari aliran Normal Teknikal. Tahun 2012, merupakan tahun pertama mereka akan menghadapi ujian lisan di peringkat sekolah menengah. Pada akhir penggal satu, mereka telah melalui satu sesi uji kaji untuk melihat kemampuan mereka bertutur dalam bahagian perbualan. Pada sesi uji kaji tersebut, pelajar diberi sekeping kad yang mengandungi satu topik. Pelajar diberikan masa tiga minit untuk berfikir. Kemudian, pelajar digalakkan berbual mengenai topik tersebut. Daripada penilaian yang dijalankan, guru mendapati bahawa penerangan para pelajar mengenai topik amat terhad dan kurang jelas. Pelajar juga tidak dapat meluahkan perasaan dan pandangan

mereka dengan baik. Ramai pelajar yang tidak boleh mengembangkan idea dan hanya berupaya menyebut dua atau tiga baris ayat sahaja. Beberapa orang pelajar tidak dapat menyuarakan pendapat langsung kerana tidak mempunyai pengalaman berkaitan topik yang diberikan.

Instrumen Kajian

Perancangan Pakej Lisan NT meliputi kaedah-kaedah yang berikut:

Tahap 1 - Prapenilaian

Tahap 2 - Aktiviti 1: Dengar dan Lihat

Tahap 3 - Aktiviti 2: Cetusan Kata

Tahap 4 - Aktiviti 3: Idea dalam Tulisan

Tahap 5 - Aktiviti 4: Suntingan Guru

Tahap 6 - Aktiviti 5: Pembacaan Pelajar

Tahap 7 - Nota-nota Tambahan

Tahap 8 - Pascapenilaian

Prosedur Kajian

Pelaksanaan Pakej Lisan bagi para pelajar dari aliran Normal Teknikal ini dijalankan dalam beberapa sesi. Prosedur yang digunakan mengikut aturan seperti mana yang telah dinyatakan di bahagian Instrumen kajian. Guru telah mengenal pasti tahap dan kumpulan pelajar yang akan menjalani uji kaji ini. Guru juga telah membuat prapenilaian bagi menilai kemampuan pelajar bertutur melalui satu sesi ujian lisan yang tidak formal. Dari markah prapenilaian itu, guru kemudian

melaksanakan penerapan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam Pakej Lisan selama lebih kurang lima atau enam sesi pengajaran.

Pralatihan

Untuk bahagian pralatihan, guru telah mengadakan sesi perbincangan secara berkumpulan. Tujuan aktiviti ini adalah untuk guru memperoleh maklum balas yang bernas dan bertepatan dengan keupayaan pelajar yang sebenar. Perbincangan di dalam kelas hanya dapat memberi gambaran separa. Walaupun dengan soalan yang mudah, dapatan yang diraih daripada sesi pralatihan ialah pelajar memberi respons namun tidak mengembangkan respons mereka dengan baik. Rata-rata, respons mereka menunjukkan pemikiran di tahap rendah. Walaupun pelajar mempunyai idea yang bernas/ namun mereka tidak dapat menyampaikan idea mereka dengan baik dan lancar disebabkan penggunaan kosa kata yang terhad. Ramai pelajar tidak menggunakan bahasa baku dalam pertuturan mereka. Ada juga pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris dan tidak lancar semasa bertutur. Kurang keyakinan diri juga menjadi hambatan untuk pelajar menyampaikan isi dengan lancar. Melalui dapatan ini, pelbagai kaedah dilakarkan untuk merangsang kebolehan pelajar.

Prapenilaian

- Setiap pelajar diberikan sekeping kad yang tertera sebuah topik perbincangan.
- Pelajar diberi masa tiga minit untuk memikirkan apa yang ingin mereka sampaikan berdasarkan topik tersebut.
- Pelajar kemudian diajak berbincang mengenai topik tersebut secara individu.
- Guru menilai perbualan tersebut berdasarkan rubrik pemarkahan di peringkat nasional.

Aktiviti 1: Dengar dan Lihat

- Guru menyediakan bahan-bahan visual seperti kad, objek dan audio kepada para pelajar. Berdasarkan pada topik yang diberikan guru, pelajar dikehendaki mengamati bahan tersebut dan memikirkan perkara-perkara yang akan dijadikan sebagai bahan rangsangan bagi perbualan.

Contoh

Topik : Kasih sayang seorang ayah

Bahan Audio : Klip video iklan Petronas tentang ayah

Bahan Visual : Kad bergambar tentang seorang ayah yang sedang meluangkan masa bersama keluarga dan menggunakan kad soalan untuk merangsang perbualan

Aktiviti 2: Cetusan Kata

- Pelajar menyumbang saran kosa kata yang sesuai dengan kandungan bahan.

Contoh

tanggungjawab, derhaka, sebak di dada, cucu, kecewa, insaf, makan bersama

Aktiviti 3: Idea dalam Tulisan

- Guru menyediakan lembaran kerja yang mengandungi pelbagai soalan bagi membantu pelajar melahirkan pandangan mereka dalam bentuk tulisan.

Contoh:

1. Nyatakan cara-cara seorang anak boleh menjaga hati ibu atau ayah mereka.
2. Mengapakah terdapat anak-anak yang tidak suka atau enggan menjaga ibu bapa mereka yang sudah tua?

3. Nyatakan dua pengajaran yang boleh diraih daripada klip video tersebut.

- Guru menyediakan rangka penulisan.

Aktiviti 4: Suntingan Guru

- Guru menyunting hasil kerja pelajar dari segi idea, struktur ayat dan aspek tatabahasa.


Pascalatihan

Kelakonan pelajar dalam Peperiksaan Lisan dijadikan landasan bagi guru memantau keberkesanan Pakej Lisan NT. Guru mengambil markah peperiksaan lisan dan maklum balas daripada guru pemeriksa untuk dijadikan bahan bukti tentang prestasi pelajar.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan markah purata antara sebelum dan selepas intervensi iaitu sebanyak +5%. Secara purata, ini menunjukkan ada peningkatan dalam markah lisan pelajar. Sila rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Perbezaan Markah Sebelum dan Selepas Intervensi



Penggunaan bahan-bahan visual dan audio mampu merangsang pelajar untuk mencetuskan idea, menambahkan pengalaman, mengukuhkan pengetahuan sedia ada dan melahirkan kosa kata. Bahan-bahan tersebut juga memudahkan pelajar mengemukakan perasaan dan pendapat yang membolehkan pelajar memberikan pandangan. Kemahiran lisan pelajar lebih teratur kerana isi-isinya adalah lebih padat, kreatif dan relevan. Akhirnya pelajar lebih yakin untuk berkomunikasi secara efektif.

Berdasarkan tinjauan dan pemerhatian guru, dapatan kajian menunjukkan prestasi pelajar yang lebih baik berbanding sebelum Pakej Lisan NT diperkenalkan kepada pelajar. Pelajar yang agak lemah kini berupaya memberikan idea-idea yang relevan dan penyusunan kata-kata yang lebih baik. Pelajar sederhana semakin yakin untuk mengetengahkan dan meluaskan idea dengan bantuan bahan-bahan rangsangan dan soalan-soalan yang disediakan. Pelajar cemerlang pula

menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan dari segi idea, kepaduan isi dan penggunaan ayat-ayat yang gramatis.

Kesimpulan

Penyediaan Pakej Lisan NT merupakan satu usaha intervensi bagi meningkatkan mutu pertuturan dalam kalangan pelajar NT. Perlaksanaan langkah-langkah dalam menjalankan Pakej Lisan NT membolehkan pelajar NT berkomunikasi dengan yakin dan efektif. Penggunaan bahan-bahan visual dan audio mampu merangsang minat pelajar NT untuk melahirkan pandangan yang bermutu dengan menggunakan kosa kata yang pelbagai dan bersesuaian dengan tema. Penggunaan rubrik bagi menilai kemahiran lisan juga membantu pelajar melahirkan idea dan dapat memahami pemarkahan bagi komponen lisan.

Satu usaha lanjutan adalah untuk menyediakan rangka penulisan agar dapat memudahkan pelajar NT menghasilkan idea dalam bentuk tulisan yang lebih baik. Pakej ini juga boleh diperkenalkan kepada pelajar-pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik bagi memantapkan prestasi mereka dalam komponen lisan.

Rujukan

James W. Stiegler dan James Hiebert (1999). *The Teaching Gap: Best Ideas from the World's Teachers for Improving Education in the Classroom*. Free Press. New York, USA.

Piaget, J. (1983). 'Piaget's Theory' in P. Mussen (Ed.) *Handbook of Child Psychology*. Wiley.

Reid, Sheldon (2010). *Urban Magic*. Pennsylvania State University. Behrend College, USA.

Sameera Ahmed Al-Senaidi. (1983). Using Role Play to Promote Oral Fluency. Sharqiya South Region.
<http://www.moe.gov.om/Portal/sitebuilder/Sites/EPS/Arabic/IPS/Importa/tesol/>

Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim, (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1). pp. 51-65.

Classroom Activities That Promote Oral Language Development | eHow.com dipetik daripada
http://www.ehow.com/info_7913258_classroom-promote-oral-language-development.html#ixzz1qsEsNdwR

http://www.ehow.com/info_7913258_classroom-promote-oral-language-development.html